



UNDANG² MALAYSIA

Akta 46

AKTA PERBADANAN PEMBANGUNAN
BANDAR, 1971

2

Tarikh Persetujuan ^{Diraja} di-Raja ... 30hb Ogos, 1971

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 2hb September, 1971

UNDANG² MALAYSIA

Akta 46

AKTA PERBADANAN PEMBANGUNAN
BANDAR² 1971SUSUNAN SEKSHEN²

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Sekshen

1. Tajok ringkas, had, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENUBOHAN, TUGAS, KUASA DAN KEANGGOTAAN
PERBADANAN

3. Penubohan, tugas dan kuasa Perbadanan.
4. Ahli² Perbadanan.
5. Perlindungan Pehak-berkuasa Awam.
6. Penjawat Awam.
7. Kuasa Menteri memberi arahan.
8. Penyata, laporan, akaun dan maklumat.
9. Perwakilan kuasa Perbadanan.

BAHAGIAN III

BAHAGIAN, PEGAWAI DAN PENJAWAT

10. Pengerusi hendak-lah menjadi ketua pegawai pengurus.
11. Timbalan Pengerusi hendak-lah menjadi ketua pegawai kerja.
12. Penyusunan Perbadanan kepada Bahagian², perlantikan Pengarah² dan tanggungjawab mereka.
13. Perlantikan pegawai² dan penjawat² lain.
14. Tidak layak di-ambil bekerja sa-bagai pegawai atau penjawat Perbadanan.
15. Kuasa membuang kerja pegawai² dan penjawat² dan menyelesaikan soal tentang gaji mereka, dsb.
16. Peratoran² berkenaan dengan syarat² perkhidmatan bagi pegawai dan penjawat.

[Susunan Sekshen²]

4

AKTA 46

BAHAGIAN IV

KAWASAN PEMBANGUNAN BANDAR

Sekshen

17. Perishtiharan Kawasan Pembangunan Bandar.
18. Perbadanan hendak-lah menjadi pehak-berkuasa peranchang dan hendak-lah di-rundingi dalam perkara² tertentu.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

19. Penubohan Kumpulanwang.
20. Pengimbangan akaun hasil.
21. Kumpulanwang rizab.
22. Perbelanjaan hendak-lah di-pertanggungkan kepada Kumpulanwang.
23. Perbelanjaan dan menyediakan Anggaran.
24. Akaun dan Odit.

BAHAGIAN VI

LAIN² KUASA PERBADANAN

25. Hadiah.
26. Kuasa meminjam.
27. Kuasa melaborkan kumpulanwang.
28. Kuasa am bagi menjalankan urusan.
29. Kuasa mengambil bekerja ejen.
30. Kuasa memberi pinjaman.
31. Tugas tambahan bagi Perbadanan.
32. Mengambil tanah dengan paksa.
33. Kuasa menubuhkan perbadanan.

BAHAGIAN VII

PERUNTOKAN PELBAGAI

34. Pengechualian di-beri kepada Perbadanan.
35. Tanggongan merahsiakan.
36. Pembicharaan sivil.
37. Perbadanan di-sifatkan sa-bagai sa-orang Melayu atau sa-orang bumiputra.

Sekshen

38. Kesalahan² berkenaan dengan pinjaman² dan beban bagi membuktikan.
39. Persetujuan Pendakwa Raya.
40. Kuasa membuat peratoran².

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

UNDANG² MALAYSIA

Akta 46

AKTA PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR, 1971

Suatu Akta bagi menubuhkan suatu pertubohan perbadanan bernama Perbadanan Pembangunan Bandar untuk memaju dan melaksanakan projek² pembangunan bandar di-kawasan² tertentu dalam Malaysia dan bagi maksud² yang berkaitan dengan-nya.

*1

1

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut :

BAHAGIAN I
PERMULAAN

1. (1) Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar, 1971 dan hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia.

Tajok ringkas, had, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Akta ini hendak-lah mula berkuatkuasa pada tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam **Warta*; dan Menteri boleh menetapkan tarikh² yang berlainan bagi mula berkuatkuasa-nya peruntokan² yang berlain-lain dalam Akta ini dan tarikh² yang berlainan boleh di-tetapkan bagi berlain-lain Negeri atau bahagian dalam Malaysia.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah mengantong kuatkuasa Akta ini atau mana² peruntokan-nya berkenaan dengan mana² Negeri atau bahagian dalam Malaysia.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“ahli” erti-nya ahli Perbadanan yang di-lantek di-bawah sekshen 4;

“Bahagian” erti-nya Bahagian yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 12;

* Municipality of Kuala Lumpur - 15-9-71 (PU(B)311/71)
* States of Malaysia - 1/8/74 (PU(B)244/74).

“di-tetapkan”, berhubung dengan Menteri, erti-nya di-tetapkan oleh kaedah² yang di-buat oleh Menteri di-bawah Akta ini, dan, berhubung dengan Perbadanan, erti-nya di-tetapkan oleh peratoran² yang di-buat oleh Perbadanan di-bawah Akta ini;

“jawatankuasa” erti-nya jawatankuasa yang di-lantek di-bawah perenggan 4 Bahagian II dalam Jadual Pertama;

“jawatankuasa-kecil” erti-nya jawatankuasa-kecil yang di-lantek di-bawah perenggan 4 Bahagian II dalam Jadual Pertama;

“kawasan pembangunan bandar” erti-nya mana² kawasan yang di-ishtiharkan sa-bagai demikian bagi maksud² Akta ini dari sa-masa ka-samasa oleh Menteri melaluī pemberitahu dalam *Warta*;

“Kerajaan” erti-nya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;

“Kumpulanwang” erti-nya kumpulanwang yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 19;

“pehak-berkuasa awam” erti-nya pehak-berkuasa tempatan atau pehak-berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa² yang terletak pada-nya menurut undang² Persekutuan atau undang² Negeri, atau mana² pegawai atau pehak-berkuasa yang di-lantek oleh atau yang bertindak bagi pehak mana² pehak-berkuasa itu;

“Pengarah” erti-nya Pengarah bagi sa-suatu Bahagian yang di-tetapkan di-bawah sekshen 12;

“Pengerusi” erti-nya Pengerusi Perbadanan yang di-lantek di-bawah sekshen 4;

“Perbadanan” erti-nya Perbadanan Pembangunan Bandar yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 3;

“perbadanan” erti-nya perbadanan yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 33;

“Setiausaha” erti-nya Setiausaha Perbadanan yang di-lantek di-bawah perenggan 1 Bahagian II dalam Jadual Pertama;

“sharikat” mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepada “perbadanan” di-bawah sekshen-kecil (1) sekshen 4 Akta Sharikat, 1965; dan

“Timbalan Pengerusi” erti-nya Timbalan Pengerusi Perbadanan yang di-lantek di-bawah sekshen 4.

A-A 510 ?

79165.
A 4 510 2 ?

BAHAGIAN II

PENUBOHAN, TUGAS, KUASA DAN KEANGGOTAAN
PERBADANAN

3. (1) Maka ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu badan bernama "Perbadanan Pembangunan Bandar" dengan tugas² yang berikut:

Penubohan,
tugas dan
kuasa Per-
badanan.

(a) untuk memaju dan melaksanakan projek² di-kawasan² pembangunan bandar bagi—

(i) pembangunan, pembangunan sa-mula, penempatan, penempatan sa-mula dan perumahan awam; dan

(ii) perbaiki keadaan alam sa-keliling, perkhidmatan, ameniti, peredaran lalulintas, tempat meletak kereta, kemudahan² rekreasi dan masharakat dan lain² perbaiki awam bagi memajukan perpaduan negara, kesihatan, keselamatan, kesenangan dan kebajikan; dan

(b) untuk memaju dan melaksanakan projek² di-kawasan² pembangunan bandar dengan tujuan supaya peluang² dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, perumahan dan lain² kegiatan dapat di-bahagi²kan antara berbagai kaum; dan

(c) untuk mengadakan program-tindakan bagi melaksanakan dasar kerajaan hendak membentok sa-mula masharakat melalui pembangunan bandar.

(2) Perbadanan hendak-lah menjadi suatu pertubohan perbadanan yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan boleh mendakwa dan di-dakwa atas nama-nya dan tertaklok kepada dan bagi maksud Akta ini, boleh membuat kontrek, dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa² jenis harta aleh dan harta takaleh dan boleh memindahak, menyerahak, menyerahbalek, memulang, menggadai, menggadai-janji, mendemais, menyerahak sa-mula, memindah-milek atau dengan sa-chara lain melepaskan atau membuat apa² urusan mengenai apa² harta aleh atau harta takaleh atau apa² kepentingan mengenai-nya yang terletak pada Perbadanan mengikut apa² syarat yang di-fikirkan-nya patut.

(3) Peruntukan Jadual Pertama kepada Akta ini hendak-lah berkuatkuasa berkenaan dengan Perbadanan.

Tertakluk kepada kelulusan Menteri terlebih dahulu, Perbadanan
(4) Perbadanan adalah berkuasa melakukan segala perkara yang mustahak atau menasabah perlu atau yang bersampingan dengan menjalankan tugas²-nya, dan khususnya, tetapi dengan tidak menyentuh keluasan kuasa yang tersebut di-atas—

- (a) memulakan kajian permulaan tentang kawasan² pembangunan dan pembangunan sa-mula yang mungkin dan membuat—
 - (i) rancangan² untuk melaksanakan suatu program bagi membaiki dan memulehkan bangunan dan mengadakan perbaikan² sa-chara sukarela;
 - (ii) rancangan² untuk menguatkuasakan undang² berhubung dengan pendudukan tanah dan bangunan;
 - (iii) rancangan² untuk menempatkan sa-mula orang² (termasuk keluarga, badan perniagaan dan lain²) yang terlibat oleh projek pembangunan atau projek pembangunan sa-mula;
 - (iv) rancangan² permulaan menerangkan sa-chara kasar kegiatan² pembangunan atau pembangunan sa-mula;
 - (v) tinjauan permulaan untuk menentukan sama ada projek pembangunan atau projek pembangunan sa-mula mungkin boleh di-jalan dan di-laksanakan;
- (b) bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan atau mana² Kerajaan Negeri, mana² pehak-berkuasa awam, mana² sharikat, mana² perbadanan, mana² badan atau mana² orang atau bertindak sa-bagai ejen atau ejen pengurus bagi-nya atau dengan sa-chara lain bertindak bersama dengan-nya atau bagi pehak-nya;
- (c) memaju dan menyelaraskan penjalanan kegiatan² itu oleh Kerajaan, pehak-berkuasa awam, mana² sharikat, mana² perbadanan, atau mana² badan atau orang lain;
- (d) menubuh atau memperbesar, atau memajukan penubohan atau pembesaran, sharikat, perbadanan atau lain² badan untuk menjalankan mana² kegiatan itu sama ada kesemua atau sa-bahagian-nya di-bawah kawalan Perbadanan atau sa-chara bebas;

- (e) memberi bantuan kepada mana² pehak-berkuasa awam, sharikat, perbadanan atau mana² badan atau orang lain yang, pada pendapat Perbadanan, ada mempunyai kemudahan² untok menjalankan mana² kegiatan itu, termasuk bantuan kewangan dengan mengambil sher atau modal pinjaman-nya atau dengan memberi pinjaman atau dengan sa-
(ee) chara lain;
- (f) membeli, menanggung membeli atau dengan sa-
chara lain memperolehi apa² saham dan sher dalam mana² sharikat awam atau persendirian, dan menjual-nya atas apa² syarat yang di-tentukan oleh Perbadanan; dan
- (g) melakukan segala perbuatan yang di-fikirkan perlu atau mustahak oleh Perbadanan.

Act A 348

4. (1) Perbadanan hendak-lah terdiri daripada ahli² berikut yang di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong:

Ahli² Perbadanan.

- (a) sa-orang Pengerusi;
- (b) sa-orang Timbalan Pengerusi;
- (c) dua orang ahli yang mana hendak-lah pegawai² awam; dan
- (d) tiga orang ahli lain yang di-lantek dari antara orang² yang pada pendapat Yang di-Pertuan Agong mempunyai pengalaman atau pengetahuan dalam perdagangan, kewangan atau perusahaan dan telah menunjukkan kebolehan untok membantu Perbadanan dalam melaksanakan program²-nya untok memupok perpaduan negara.

Sub. by Act A348

(2) Tertaklok kepada peruntokan Akta ini, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendak-lah menjadi pegawai sa-penoh masa Perbadanan dan tiap² sa-orang daripada mereka hendak-lah di-lantek atas apa² syarat yang di-tentukan oleh Yang di-Pertuan Agong Menteri.

Sub. by
A. 4 512
Act A348

(3) Sa-saorang ahli, lain daripada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, hendak-lah, melainkan jika ia terlebih dahulu meletakkan jawatan-nya atau perlantekan-nya dibatalkan, memegang jawatan sa-lama sa-suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun dan tertaklok kepada apa² syarat mengikut sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam suratchara perlantekan-nya, dan ada-lah layak di-lantek sa-mula.

Act A348
Act A348

Act A348

(4) Sa-saorang ahli boleh pada bila² masa meletakkan jawatan-nya dengan mengutus surat kapada Yang-di-Pertuan-Agong Menteri.

Act A348

(5) Perlantikan sa-saorang ahli boleh pada bila² masa dibatalkan oleh Yang-di-Pertuan-Agong tanpa memberi apa² sebab.

Act A348

(6) Sa-saorang ahli, ~~lain daripada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi~~, hendak-lah menumpukan sa-berapa banyak masa yang perlu bagi menjalankan kewajipan²-nya kapada urusan Perbadanan.

Perlindungan Pehak-berkuasa Awam. P.T.M. 19/48.

5. Ordinan Perlindungan Pehak-berkuasa Awam, 1948 hendak-lah di-pakai bagi apa² tindakan, guaman, pendakwaan atau pembicharaan terhadap Perbadanan atau terhadap mana² ahli, pegawai, penjawat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa² perbuatan, kechuaian atau keingkaran yang di-buat atau di-lakukan oleh-nya atas sifat-nya yang demikian itu.

Penjawat Awam. N.M.B. Bab 45. Sabah Ord. 3/59. Sarawak Bab 57.

6. Semua ahli, sa-masa mereka menjalankan kewajipan sa-bagai ahli, hendak-lah di-sifatkan sa-bagai penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan yang berkenaan.

Act A348

Kuasa Menteri memberi arahan.

7. ~~(1)~~ Perbadanan ada-lah bertanggungjawab kapada Menteri, dan Menteri boleh, dari sa-masa ka-samasa, memberi arahan yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini dan Perbadanan hendak-lah, dengan sa-berapa segera yang boleh, melaksanakan semua arahan itu.

deleted by Act A348

(2) Dengan tidak menyentoh keluasan makna sekshen-kechil (1), dan tertaklok kapada perundingan dengan Perbadanan, kuasa Menteri untok memberi arahan ada-lah termasuk memberi arahan² kapada Perbadanan—

- (a) tentang melepaskan aset modal; dan
- (b) tentang menggunakan hasil dari aset modal yang di-lepaskan itu, walau pun arahan itu mengenai sa-suatu yang tertentu:

Dengan syarat bahawa, sa-lagi apa² wang yang di-pinjam oleh Perbadanan mengikut peruntukan Akta ini maseh belum di-jelaskan, tiada apa² arahan itu boleh di-beri kechuali dengan persetujuan Menteri Kewangan.

8. (1) Perbadanan hendak-lah memberi kepada Menteri segala penyata, laporan, akaun dan maklumat yang dikehendaki-nya dari sa-masa ka-samasa berkenaan dengan harta dan kegiatan Perbadanan.

Penyata,
laporan,
akaun dan
maklumat.

(2) Dengan tidak menyentoh keluasan makna peruntukan sekshen-kechil (1), Perbadanan hendak-lah, dengan sa-berapa segera yang boleh, sa-lepas berakhir tiap² satu tahun kewangan, mengarahkan supaya di-buat dan di-hantar kepada Menteri suatu laporan berkenaan dengan kegiatan² Perbadanan dalam masa tahun kewangan yang lalu dan mengikut apa² bentok dan mengandongi apa² maklumat berhubung dengan perjalanan dan dasar Perbadanan mengikut sa-bagaimana yang di-arahkan dari sa-masa ka-samasa oleh Menteri.

(3) Menteri hendak-lah mengarahkan supaya suatu salinan tiap² laporan Perbadanan di-bentangkan dalam Dewan Ra'ayat ~~tiap-tiap~~ satu Majlis Parlimen.

Act A3H8

9. (1) Tertaklok kepada apa² syarat, had atau sekatan yang di-fikirkan-nya patut, Perbadanan boleh mewakilkan kuasa kepada mana² jawatankuasa atau jawatankuasa-kechil atau kepada Pengerusi atau Timbalan Pengerusi untuk menjalankan bagi pehak-nya apa² kuasa, kewajipan atau tugas yang terletak pada Perbadanan menurut Akta ini mengikut sa-bagaimana yang di-tentukan oleh Perbadanan, kechuali kuasa untuk meminjam wang, mendapatkan pinjaman atau membuat peratoran²; dan apa² kuasa atau tugas yang di-wakilkkan demikian itu boleh di-jalan atau di-laksanakan oleh jawatankuasa itu, atau jawatankuasa-kechil itu atau Pengerusi, atau Timbalan Pengerusi, mengikut mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pehak Perbadanan.

Perwakilan
kuasa Per-
badanan.

Pengerusi,
Ketua Pengarah
atau Pengarah
(A-A 5/2)

Ketua Pengarah
atau Pengarah

(2) Dengan tidak menyentoh keluasan makna sekshen-kechil (1), Perbadanan boleh mewakilkan kuasa kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, mana² daripada ahli-nya yang lain, jawatankuasa, jawatankuasa-kechil atau mana² orang, sama ada sa-orang pegawai atau penjawat Perbadanan atau tidak, untuk membenarkan perbelanjaan

dari Kumpulanwang atau mana² wang lain di-bawah kawalan Perbadanan hingga sa-takat yang di-nyatakan oleh Perbadanan dalam hal itu.

BAHAGIAN III

A-A 572

Pengerusi hendak-lah menjadi ketua pegawai pengurus.

9A. - - - BAHAGIAN, PEGAWAI DAN PENJAWAT

10. (1) Pengerusi hendak-lah menjadi ketua pegawai pengurus Perbadanan dan ia hendak-lah bertanggung-jawab bagi menyediakan program, sekim atau projek untuk pertimbangan Perbadanan, bagi mengeluarkan panduan dasar atau penerangan mengenai keputusan² Perbadanan kepada Timbalan Pengerusi dan Pengarah² dan bagi menyelia dan mengawal pelaksanaan keputusan² itu oleh Timbalan Pengerusi dan Pengarah².

(2) Semua pegawai dan penjawat Perbadanan hendak-lah di-letakkan di-bawah kawalan am Pengerusi.

(3) Pengerusi hendak-lah melaksanakan apa² kewajipan lain atau tambahan mengikut sa-bagaimana yang di-tentu atau di-tetapkan oleh Menteri dari sa-masa ka-samasa.

(4) Jika Pengerusi tidak ada dalam Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa² sebab lain daripada melaksanakan kewajipan-nya, Timbalan Pengerusi hendak-lah melaksanakan kewajipan-nya (sa-lain dari kewajipan Timbalan Pengerusi) dalam masa Pengerusi itu tidak ada buat sementara atau tidak berupaya kerana apa² sebab yang lain itu.

11. (1) Timbalan Pengerusi hendak-lah menjadi ketua pegawai kerja Perbadanan dan ia hendak-lah bertanggung-jawab bagi menjalankan segala program, sekim atau projek, bagi melaksanakan keputusan² Perbadanan dan arahan² Pengerusi, dan bagi menyelia dan mengawal Pengarah² dalam menjalankan kewajipan² di-bawah Akta ini.

(2) Timbalan Pengerusi ada-lah bertanggungjawab kepada Pengerusi.

(3) Tertaklok kepada arahan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendak-lah mempunyai kawalan pentadbiran ka-atas pegawai² dan penjawat² Perbadanan.

(4) Timbalan Pengerusi hendak-lah melaksanakan apa² kewajipan lain atau tambahan mengikut sa-bagaimana yang di-tentu atau di-tetapkan oleh Perbadanan atau Menteri dari sa-masa ka-samasa, atau mengikut sa-bagaimana yang di-arahkan oleh Pengerusi dari sa-masa ka-samasa.

Sub by

A-A 512

Ac

Timbalan Pengerusi hendak-lah menjadi ketua pegawai kerja.

df A-A 512

(5) Jika Timbalan Pengerusi tidak ada dalam Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa² sebab lain daripada melaksanakan kewajipan-nya, Pengerusi hendaklah melaksanakan kewajipan-nya (sa-lain dari kewajipan Pengerusi) dalam masa Timbalan Pengerusi itu tidak ada buat sementara atau tidak berupaya kerana apa² sebab yang lain itu.

12. (1) Perbadanan boleh menubuhkan apa² Bahagian yang di-fikirkan-nya perlu, dan tiap² satu Bahagian hendaklah di-letakkan di-bawah kawalan dan jagaan sa-orang pegawai kerja yang di-namakan "Pengarrah".

Penyusunan Perbadanan kepada Bahagian², perlantikan Pengarah² dan tanggung-jawab mereka.

(2) Pengarah bagi tiap² satu Bahagian hendaklah di-lantek oleh Pengerusi dengan kelulusan Menteri.

(3) Ada-lah menjadi tanggungjawab Pengarah Bahagian yang berkenaan bagi melaksana dan menjalankan keputusan Perbadanan mengenai perkara² berkaitan dengan Bahagian-nya, bagi menghantar shor² mengenai dasar untuk pertimbangan Perbadanan, bagi mengambil bahagian, tanpa hak mengundi, dalam mana² meshuarat Perbadanan apabila perkara² berkaitan dengan Bahagian-nya di-pertimbangkan dalam meshuarat itu dan juga bagi menjalankan segala kuasa yang di-wakilkan kepada-nya oleh Perbadanan.

13. (1) Tertaklok kepada mana² peratoran yang di-buat di-bawah sekshen 16, Perbadanan boleh melantek atas apa² syarat yang di-fikirkan-nya perlu beberapa orang pegawai dan penjawat lain yang perlu bagi menjalankan maksud Akta ini.

Perlantikan pegawai² dan penjawat² lain.

(2) Tertaklok kepada ~~peruntukan sekshen-kecil (3) sekshen 11~~, sa-saorang pegawai atau penjawat Perbadanan yang di-lantek di-bawah sekshen-kecil (1) ada-lah di-letakkan di-bawah kawalan am Pengarah yang kepada Bahagian-nya pegawai atau penjawat itu di-lantek, di-tukar atau di-untokkan.

arahan Ketua Pengarah (A-A 512)

14. (1) Tiada sa-siapa yang ada mempunyai sa-chara langsung atau sa-chara tidak langsung, sama ada dengan sendiri-nya atau melalui kongsi-nya, sa-suatu sher atau kepentingan dalam sa-suatu kontrek atau sa-suatu kontrek yang di-chadangkan dengan, untok atau bagi pehak Perbadanan layak di-ambil bekerja sa-bagai pegawai atau penjawat Perbadanan.

Tidak layak di-ambil bekerja sa-bagai pegawai atau penjawat Perbadanan.

(2) Sa-saorang pegawai atau penjawat Perbadanan yang ada mempunyai atau memperolehi sa-suatu sher atau kepentingan tersebut boleh, menurut budibichara Perbadanan, di-buang kerja terus tanpa notis.

(3) Jika sa-saorang pegawai atau penjawat Perbadanan telah pun pada masa ia di-lantek sa-bagai pegawai atau penjawat Perbadanan mempunyai atau mengawal sa-suatu sher atau kepentingan mengenai apa² harta yang di-masokkan atau di-chadang hendak di-masokkan kemudian daripada perlantekan-nya sa-bagai pegawai atau penjawat dalam sa-suatu kontrek atau sa-suatu kontrek yang di-chadangkan dengan, untok atau bagi pehak Perbadanan, maka hendak-lah ia menyatakan sher atau kepentingan itu dengan bertulis kapada Perbadanan.

Kuasa membuang kerja pegawai² dan penjawat² dan menyelesaikan soal tentang gaji mereka, dsb.

15. (1) Tertaklok kapada mana² peratoran yang di-buat di-bawah sekshen 16 dan 40, ~~Timbalan Pengerusi~~ hendaklah menyelesaikan semua soal berhubong dengan perkhidmatan, gaji, keistimewaan dan elaun pegawai² dan penjawat² Perbadanan.

(2) Tertaklok kapada mana² peratoran yang di-buat di-bawah sekshen 16 dan 40, kuasa bagi menaikkan pangkat, menggantung, membuang kerja, mendenda, menurunkan pangkat atau membenarkan chuti kapada pegawai² dan penjawat² Perbadanan hendaklah di-jalankan oleh ~~Timbalan Pengerusi~~:

Dengan syarat bahawa berkenaan dengan pegawai dan penjawat yang gaji bulanan-nya lebeh daripada lima ratus ringgit, kuasa² itu, di-kechualikan kuasa menggantung, tidak boleh di-jalankan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Perbadanan.

(3) Kuasa untok menyingkir perkhidmatan mana² pegawai atau penjawat Perbadanan atas apa² sebab lain daripada perbuatan salah-laku di-pehak pegawai atau penjawat itu atau untok membenarkan mana² pegawai atau penjawat itu bersara dengan di-beri ganjaran atau elaun ihsan hendaklah, tertaklok kapada peruntokan tersebut di-atas, di-jalankan oleh Perbadanan sendiri.

(4) Mana² pegawai atau penjawat yang tidak puashati dengan apa² keputusan ~~Timbalan Pengerusi~~ pada menjalankan kuasa²-nya di-bawah sekshen ini boleh merayu kapada Perbadanan.

CA 4512

Ketua Pengarah

CA 4512

CA 4512

Ketua Pengarah

16. (1) Perbadanan boleh, dari sa-masa ka-samasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peratoran² berkenaan dengan sharat² perkhidmatan bagi pegawai dan penjawat-nya.

Peratoran² berkenaan dengan sharat² perkhidmatan bagi pegawai dan penjawat.

(2) Dengan tidak menyentoh keluasan makna peruntukan di-atas, peratoran² itu boleh mengadakan peruntukan berkenaan dengan perkara² yang di-nyatakan dalam Jadual Kedua.

BAHAGIAN IV

KAWASAN PEMBANGUNAN BANDAR

17. (1) Menteri boleh, sa-lepas berunding dengan Kerajaan Negeri dan dengan mana² pehak-berkuasa awam lain yang pada pendapat Menteri akan terlibat oleh perishtiharan itu, dari sa-masa ka-samasa, mengishtiharkan melalui pemberitahu dalam *Warta* mana² kawasan sa-bagai Kawasan Pembangunan Bandar.

Perishtiharan Kawasan Pembangunan Bandar.

(2) Tertaklok kepada sekshen-kechil (3) sekshen 1, peruntukan Akta ini hendak-lah berkuatkuasa dalam mana² kawasan yang di-ishtiharkan sa-bagai suatu kawasan pembangunan bandar di-bawah sekshen-kechil (1) sekshen ini.

18. (1) Walau apa pun undang² bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa berhubung dengan peranchangan bandar dan luar-bandar, Perbadanan hendak-lah menjadi pehak-berkuasa peranchang dalam mana² kawasan pembangunan bandar bagi maksud undang² bertulis itu dan peruntukan undang² bertulis itu hendak-lah berkuatkuasa dengan sawajar-nya.

Perbadanan hendak-lah menjadi pehak-berkuasa peranchang dan hendak-lah di-rundingi dalam perkara² tertentu.

(2) Walau apa pun undang² bertulis yang lain, tiada apa² chukai, sewa, kadar atau apa² chaj lain berkenaan dengan apa² harta dalam mana² kawasan pembangunan bandar boleh di-ubah tanpa terlebih dahulu berunding dengan Perbadanan; dan ada-lah sah bagi Perbadanan membuat apa² shor atau chadangan kepada pehak-berkuasa awam yang berkenaan mengenai apa² chukai, sewa, kadar atau apa² chaj lain yang akan di-kenakan atau di-lewi berkenaan dengan apa² harta dalam mana² kawasan pembangunan bandar.

Penubohan
Kumpulan-
wang.

19. (1) Bagi maksud² Akta ini maka ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu kumpulanwang yang akan di-tadbir dan di-kawal oleh Perbadanan.

(2) Kumpulanwang hendak-lah mengandongi—

(a) apa² wang yang di-peruntokkan dari sa-masa ka-samasa bagi maksud itu oleh Parlimen;

(b) apa² wang yang di-untokkan dari sa-masa ka-samasa kapada Perbadanan daripada kumpulanwang pinjaman;

(c) wang yang di-dapati daripada menjalankan apa² projek, sekim atau enterpris yang di-biaya² dari Kumpulanwang;

(d) wang yang di-dapati atau yang terbit daripada apa² harta, pelaburan, gadaijanji, gadaian atau dibenchar yang di-perolehi oleh atau yang terletak pada Perbadanan;

(e) apa² harta, pelaburan, gadaijanji, gadaian atau dibenchar yang di-perolehi oleh atau yang terletak pada Perbadanan;

(f) wang yang di-pinjam oleh Perbadanan bagi maksud menjelaskan mana² daripada tanggongannya atau menjalankan mana² daripada kewajipannya; dan

(g) segala wang atau harta lain yang mungkin dengan apa² chara kena di-bayar kapada, atau terletak pada, Perbadanan berkenaan dengan apa² perkara bersampingan dengan kuasa dan kewajipannya.

✓ (3) Dalam sekshen ini perbahaasan “kumpulanwang pinjaman” erti-nya apa² wang yang dapat di-adakan dari sa-masa ka-samasa bagi Kerajaan sa-bagai pinjaman.

✓ (4) Chaj atas apa² jumlah wang yang di-untokkan kapada Perbadanan dari kumpulanwang pinjaman hendak-lah di-bayar oleh Perbadanan:

✓ Dengan sharat bahawa semua atau mana² bahagian chaj itu boleh di-bayar dari hasil am Persekutuan dengan kelulusan Dewan Ra'ayat menurut ketetapan-nya.

20. Maka ada-lah menjadi kewajipan Perbadanan memelihara Kumpulanwang dengan menjalan dan menyempurnakan tugas² dan kewajipan²-nya di-bawah Akta ini supaya jumlah hasil Perbadanan, tertaklok kepada apa² arahan yang di-beri oleh Menteri di-bawah seksyen 7, chukup untuk membayar semua wang yang boleh di-pertanggungkan dengan sa-patut-nya kepada akaun hasilnya, termasuk, dengan tidak menyentoh keluasan makna perbhasaan itu, peruntokan berkenaan dengan tanggungan²-nya di-bawah seksyen 19 dan 21 dan kesusutan dan bunga atas modal, dari sa-tahun ka-satahun.

Peng-imbangan akaun hasil.

21. (1) Perbadanan hendak-lah menuboh dan menguruskan suatu kumpulanwang rizab.

Kumpulan-wang rizab.

(2) Pembayaran masok dan keluar dari kumpulanwang rizab hendak-lah di-tentukan oleh Perbadanan :

Dengan syarat bahawa tiada apa² bahagian daripada kumpulanwang rizab boleh di-gunakan bagi apa² maksud melainkan bagi maksud Perbadanan.

22. Kumpulanwang hendak-lah di-belanjakan bagi maksud—

Perbelanjaan hendak-lah di-pertanggungkan kepada Kumpulan-wang.

- (a) membayar segala perbelanjaan yang di-lakukan di-bawah seksyen 27 dan 28;
- (b) memberi pinjaman di-bawah seksyen 30;
- (c) membayar apa² perbelanjaan yang di-lakukan dengan sah oleh Perbadanan, termasuk bayaran ukor, guaman dan lain² bayaran dan kos, dan saraan bagi pegawai² dan penjawat² yang di-lantek dan di-ambil bekerja oleh Perbadanan, termasuk elaun persaraan, penchen atau ganjaran;
- ✓(d) membayar apa² perbelanjaan atau kos lain yang di-lakukan atau di-terima dengan sa-patut-nya oleh Perbadanan dalam melaksanakan kewajipan-nya atau menjalankan tugas-nya di-bawah seksyen 3;
- (e) membeli atau menyewa loji, alat kelengkapan, alat jentera, barang² dan apa² bahan lain dan memperolehi tanah dan mendirikan bangunan² dan menjalankan apa² kerja dan usaha lain dalam melaksanakan kewajipan-nya atau menjalankan tugas-nya di-bawah seksyen 3;
- (f) membayar balek apa² wang yang di-pinjam di-bawah Akta ini dan bunga yang kena di-bayar

atas-nya atau mengasingkan apa² wang yang dikehendaki untuk di-pindahkan kepada kumpulanwang penjelas hutang bagi maksud mengadakan peruntokan bagi membayar balek wang itu dan bunga atas-nya; dan

(g) am-nya, membayar apa² perbelanjaan bagi melaksanakan peruntokan Akta ini.

Perbelanjaan dan menyediakan Anggaran.

23. (1) Perbelanjaan Perbadanan hingga sa-banyak yang di-benarkan oleh Menteri bagi mana² satu tahun hendaklah di-bayar dari Kumpulanwang.

(2) Sa-belum permulaan bulan September tiap² satu tahun, Perbadanan hendak-lah menghantar kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasok perbelanjaan bagi projek² pembangunan) bagi tahun yang berikut-nya mengikut apa² bentok dan dengan mengandongi apa² butir sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Menteri; dan sa-belum permulaan tahun yang berikut-nya itu Menteri hendak-lah memberitahu Perbadanan jumlah wang yang di-benarkan untuk perbelanjaan am-nya atau jumlah² wang yang di-benarkan bagi tiap² satu jenis perbelanjaan.

(3) Perbadanan boleh, pada bila² masa, menghantar kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana² satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana² bahagian perbelanjaan tambahan yang di-masokkan dalam anggaran tambahan itu.

Akaun dan Odit.

24. (1) Perbadanan hendak-lah menyimpan dengan sapatut-nya akaun dan rekod lain berkenaan dengan perjalanannya dan hendak-lah menyediakan penyata² akaun bagi tiap² satu tahun kewangan.

(2) Akaun Perbadanan hendak-lah di-odit tiap² tahun oleh Juru Odit Negara atau juru odit lain yang di-lantek oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri.

(3) Sa-lepas berakhir tiap² satu tahun kewangan, dan sa-lepas sahaja akaun² Perbadanan di-odit, Perbadanan hendak-lah mengarahkan supaya satu salinan penyata akaun itu di-hantar kepada Menteri, bersama dengan satu salinan apa² pandangan yang di-buat oleh Juru Odit Negara atau juru odit lain yang di-lantek di-bawah sekshenkechil (2) mengenai mana² penyata atau mengenai akaun² Perbadanan.

(4) Menteri hendak-lah mengarahkan supaya satu salinan tiap² penyata dan pandangan itu di-bentangkan dalam Dewan Ra'ayat² *tiap-tiap satu Majlis Parlimen.*

BAHAGIAN VI

LAIN² KUASA PERBADANAN

25. Perbadanan boleh menerima apa² hadiah yang di-beri kepada Perbadanan bagi segala atau mana² daripada maksud yang di-nyatakan dalam sekshen 3 dan, tertaklok kepada syarat² mengenai mana² hadiah, boleh menggunakan-nya bagi maksud² itu mengikut peruntokan Akta ini. Hadiah.

26. (1) Perbadanan boleh, dari sa-masa ka-samasa meminjam, atas apa² kadar bunga dan bagi apa² tempoh dan atas apa² syarat tentang masa dan chara pembayaran balek dan lain² mengikut sa-bagaimana yang di-luluskan oleh Menteri Kewangan, apa² jumlah wang yang di-perlukan oleh Perbadanan bagi menjelaskan mana² daripada tanggungan-nya atau bagi menjalankan mana² daripada kewajipan-nya. Kuasa meminjam.

(2) Perbadanan boleh, dari sa-masa ka-samasa, dengan kelulusan Menteri Kewangan, meminjam wang dengan mengeluarkan bon, dibenchar atau saham dibenchar, atau mendapatkan modal dengan mengeluarkan sher atau saham dari apa² kelas dan nilai dan atas apa² syarat yang di-fikirkan-nya mustahak, bagi segala atau mana² daripada maksud yang berikut:

- (a) mengadakan modal kerja;
- (b) menunaikan kewajipan² Perbadanan di-bawah Akta ini;
- (c) menunaikan apa² tugas tambahan yang di-jalankan oleh Perbadanan di-bawah Akta ini;
- (d) menebuskan apa² sher atau saham yang ia di-kehendaki atau berhak menebus; dan
- (e) apa² perbelanjaan lain yang boleh di-pertanggungkan dengan sa-patut-nya kepada akaun modal.

(3) Perbadanan boleh membuat peratoran² yang tidak berlawanan dengan peruntokan Akta ini bagi mengadakan peruntokan bagi apa² perkara berhubong dengan sher, saham, bon, dibenchar atau saham dibenchar yang di-keluarkan di-bawah Akta ini, yang pada pendapat

Perbadanan perlu atau mustahak, dan, khusus-nya, bagi mengator chara mengeluarkan, memindah-milek, menebus, atau lain² urusan mengenai sher, saham, bon, dibenchar atau saham dibenchar itu.

Kuasa melaborkan kumpulan-wang.
P.T.M. 6 tahun 1949.

27. Perbadanan boleh melaborkan aset-nya, sa-takat mana yang tidak di-kehendaki untuk di-belanjakan oleh Perbadanan, dalam mana² daripada pelaboran yang di-benarkan oleh Ordinan Pemegang Amanah, 1949, atau mengikut apa² chara yang di-luluskan oleh Menteri Kewangan.

Kuasa am bagi menjalankan urusan.

28. Tertaklok kapada peruntokan Akta ini, Perbadanan ada-lah berkuasa melakukan apa² perkara dan membuat apa² urusan (sama ada atau tidak melibatkan perbelanjaan, peminjaman atau pelaboran wang mengikut peruntokan Akta ini bagi maksud itu, pemerolehan, penggunaan dan pelepasan apa² harta aleh atau harta takaleh, termasuk kereta dan vesal atau hak) yang pada pendapat-nya di-kira akan memudahkan ia menjalankan kewajipan²-nya dengan sa-patut-nya atau ada-lah bersampingan atau berfaedah pada menjalankan kewajipan²-nya itu.

Kuasa mengambil bekerja ejen.

29. Perbadanan boleh mengambil bekerja dan membayar ejen dan penasihat² teknik termasuk peguambela dan peguamchara, banker, beroker saham, juru ukor atau penilai atau orang² lain, untuk menjalankan apa² urusan atau melakukan apa² perbuatan yang di-kehendaki di-urus atau di-lakukan pada melaksanakan kewajipan²-nya atau bagi melaksanakan maksud² Akta ini dengan chara lebeh baik.

Kuasa memberi pinjaman.

30. (1) Pada melaksanakan kewajipan-nya atau pada menjalankan tugas-nya di-bawah sekshen 3, Perbadanan boleh memberi pinjaman, dan pinjaman itu boleh di-beri tertaklok kapada apa² sharat yang di-fikirkan oleh Perbadanan patut di-kenakan dalam hal² tertentu.

(2) Peruntokan Jadual Ketiga hendak-lah di-pakai bagi pinjaman² yang di-beri oleh Perbadanan di-bawah sekshen ini.

Tugas tambahan bagi Perbadanan.

31. Sa-lain daripada kewajipan² yang di-tanggongkan dan kuasa² yang terletakhak pada Perbadanan menurut Akta ini, Perbadanan boleh menjalankan apa² tugas lain, menjalankan apa² kuasa lain dan mentadbir dan membelanjakan apa² wang lain bagi apa² maksud yang mungkin di-untokkan atau di-beri kapada-nya oleh Kerajaan Persekutuan atau

Kerajaan mana² Negeri dan dalam melakukan yang demikian Perbadanan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai menunaikan maksud Akta ini dan peruntukan Akta ini hendak-lah di-pakai bagi Perbadanan berkenaan dengan tugas² itu dan berkenaan dengan pentadbiran dan pembelanjaan wang itu :

Dengan syarat bahawa akaun bagi wang itu hendak-lah di-simpan berasingan dan berlainan dari akaun Kumpulan-wang.

32. (1) Apabila apa² harta takalah yang bukan tanah Kerajaan perlu di-perolehi oleh Perbadanan bagi maksud Akta ini, harta itu boleh di-perolehi mengikut peruntukan mana² undang² bertulis berhubung dengan pengambilan tanah bagi sa-suatu maksud awam, yang pada masa itu berkuatkuasa di-Negeri di-mana harta itu terletak, dan apa² akuan yang di-kehendaki oleh mana² undang² bertulis itu bahawa tanah itu di-perlukan sa-demikian boleh-lah di-buat walau pun pampasan akan di-bayar oleh Perbadanan; dan akuan itu hendak-lah berkuatkuasa sa-olah² ia ada-lah suatu akuan bahawa tanah itu ada-lah di-perlukan bagi sa-suatu maksud awam mengikut undang² bertulis itu.

Mengambil tanah dengan paksa.

(2) Perbelanjaan dan pampasan berkenaan dengan mana² harta takalah yang di-perolehi di-bawah sekshen ini hendak-lah di-bayar oleh Perbadanan.

(3) Apabila apa² harta takalah telah di-perolehi di-bawah sekshen ini, Perbadanan hendak-lah mengambil chabutan suratan hakmilk yang perlu berkenaan dengan harta itu dan hendak-lah membayar apa² chukai yang mungkin di-kenakan atas harta itu.

33. (1) Perbadanan boleh dari sa-masa ka-samasa dengan Perintah yang di-siarkan dalam *Warta* menubuhkan sa-suatu perbadanan dengan apa² nama yang di-fikirkan patut oleh Perbadanan untuk melaksanakan dan untuk menjaga, menjalan dan menguruskan apa² projek, sekim atau enterprais yang telah di-ranchang atau di-jalankan oleh Perbadanan pada melaksanakan kewajipan²-nya atau pada menjalankan tugas²-nya di-bawah sekshen 3.

Kuasa menubuhkan perbadanan.

(2) Peruntukan Jadual Keempat hendak-lah di-pakai bagi perbadanan yang di-tubuhkan oleh Perbadanan di-bawah sekshen-kecil (1).

BAHAGIAN VII

PERUNTOKAN PELBAGAI

Penge-
chualian
di-beri
kapada
Perbadanan.
P.T.M. 59
tahun 1949.

34. Perbadanan ada-lah di-kechualikan daripada membayar
duti setem di-bawah Ordinan Setem, 1949.

Tanggungan
merahsia-
kan.

35. (1) Kechuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud
sa-suatu pembicharaan jenayah di-bawah Akta ini, tiada
sa-saorang ahli, pegawai atau penjawat Perbadanan boleh
membukakan apa² maklumat yang telah di-dapati-nya
sa-masa menjalankan kewajipan²-nya dan yang tidak
di-siarkan menurut Akta ini.

(2) Sa-saorang yang melanggar peruntokan sekshen-
kechil (1) ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila
di-thabitkan boleh di-kenakan penjara sa-lama tempoh tidak
lebeh daripada enam bulan atau denda tidak lebeh daripada
satu ribu ringgit atau kedua²-nya.

Pembi-
charaan
sivil.

36. Walau apa pun peruntokan mana² undang² bertulis,
dalam mana² pembicharaan sivil yang di-bawa oleh atau
terhadap Perbadanan—

(a) mana² orang yang memegang jawatan Peguam
Persekutuan dan yang di-berikuasa oleh Peguam
Negara bagi maksud itu; atau

(b) mana² pegawai Perbadanan yang di-berikuasa bagi
maksud itu menurut arahan khas atau am dari
Pengerusi *atau Timbalan Pengerusi*

BA 512

boleh, bagi pehak Perbadanan, mengikut mana yang
berkenaan, membawa, hadhir dalam dan menjalankan
pembicharaan itu dan boleh membuat dan melakukan segala
kehadhiran, perbuatan dan permohonan berkenaan dengan
pembicharaan itu.

Perbadanan
di-sifatkan
sa-bagai
sa-orang
Melayu
atau
sa-orang
bumiputra.

37. Bagi maksud mana² undang² bertulis berhubong dengan
tanah yang di-rizab untok di-beri milek kapada orang
Melayu atau kapada bumiputra dalam Negeri di-mana
tanah itu terletak, Perbadanan hendak-lah di-sifatkan sa-
bagai sa-orang Melayu atau sa-orang bumiputra, mengikut
mana yang berkenaan.

38. (1) Mana² orang yang—

- (a) mendapat pinjaman daripada Perbadanan di-bawah peruntukan Akta ini dengan jalan apa² pernyataan palsu;
- (b) bersengaja menggunakan apa² pinjaman yang di-beri kapada-nya oleh Perbadanan di-bawah peruntukan Akta ini bagi apa² maksud, melainkan bagi maksud pinjaman itu telah di-beri;
- (c) sa-telah mendapat pinjaman daripada Perbadanan di-bawah peruntukan Akta ini, bersengaja membinasakan apa² chagaran yang telah di-beri berhubung dengan mana² pinjaman itu,

Kesalahan² berkenaan dengan pinjaman² dan beban bagi membuktikan.

ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh di-kenakan penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada dua tahun atau denda sa-banyak lima ribu ringgit atau kedua²-nya.

(2) Mana² orang yang melanggar peruntukan perenggan 6 (1) (b) atau perenggan 6 (2) dalam Jadual Ketiga kapada Akta ini ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh di-kenakan denda tidak lebeh daripada satu ribu ringgit.

(3) Dalam mana² pembicharaan jenayah berkenaan dengan sa-suatu kesalahan di-bawah perenggan (b) sekshen-kechil (1), beban bagi membuktikan bahawa orang itu telah bertindak dengan suchi hati dan tanpa mengetahui bahawa ia tidak berhak menggunakan sa-demikian pinjaman itu atau apa² bahagian daripada-nya hendak-lah terletak ka-tas orang yang di-pertudohkan itu.

39. Tiada apa pendakwaan atas kesalahan yang terbit dari peruntukan Akta ini atau berhubung dengan sa-suatu pinjaman yang di-beri di-bawah-nya boleh di-bawa kechuali dengan persetujuan bertulis Pendakwa Raya.

Persetujuan Pendakwa Raya.

40. Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peratoran² yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini—

Kuasa membuat peratoran².

- (a) menetapkan chara bagaimana suratan, chek dan suratchara dari apa² jenis akan di-tandatangani atau di-sempurnakan bagi pehak Perbadanan;
- (b) menetapkan tanggungjawab dan kawalan bagi pegawai dan penjawat Perbadanan;

- (c) mengenakan bayaran² dalam hal² yang di-tentukan oleh Perbadanan;
- (d) am-nya bagi menjalankan kuasa dan kewajipan-nya di-bawah peruntokan Akta ini.

JADUAL PERTAMA
(Sekshen 3 (3))

BAHAGIAN I

HILANG KELAYAKAN AHLI, MESHUARAT DAN
MENYATAKAN KEPENTINGAN

Hilang
kelayakan.

I. (1) Sa-saorang itu ada-lah hilang kelayakan-nya daripada di-lantek atau menjadi sa-orang ahli—

(a) jika telah di-buktikan terhadap-nya, atau ia telah di-thabitkan atas, suatu pertudohan mengenai—

- (i) kesalahan berkenaan dengan tipuan, kechurangan atau keburokan akhlak; atau
- (ii) kesalahan di-bawah mana² undang² berhubong dengan rasuah; atau
- (iii) apa² kesalahan lain yang boleh di-kenakan hukum penjara (hukum penjara sahaja atau sa-bagai tambahan kepada denda atau sa-bagai ganti denda) sa-lama lebeh daripada dua tahun; atau

(b) jika ia sa-orang bankrap; atau

(c) jika ia tidak sempurna akal atau kerana apa² sebab lain tidak berupaya menjalankan kewajipan-nya.

(2) Sa-saorang ahli hendak-lah mengosongkan jawatan-nya jika ia tidak menghadhiri meshuarat Perbadanan tiga kali berturut² tanpa kebenaran bertulis Menteri atau jika ia telah hilang kelayakan di-bawah perenggan-kechil (1).

(3) Jika sa-saorang itu terhenti menjadi ahli oleh sebab mana² per-untokan Akta ini, sa-orang lain hendak-lah di-lantek untok mengganti-kan-nya mengikut peruntokan² yang di-pakai bagi orang yang terhenti menjadi ahli itu bagi baki tempoh yang sa-lama-nya orang itu mungkin memegang jawatan jika ia tidak terhenti menjadi ahli.

Meshuarat.
dua bulan sa-bulan.

2. (1) Perbadanan hendak-lah bermeshuarat sa-kurang²-nya sa-kali

(2) Koram bagi semua meshuarat Perbadanan ia-lah bilangan ter-banyak ahli² termasuk antara-nya sama ada Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan jika Pengerusi tidak hadir, Timbalan Pengerusi hendak-lah mempengerusikan meshuarat itu.

(3) Jika atas apa² soal yang hendak di-putuskan bilangan undi sama banyak-nya, Pengerusi atau Timbalan Pengerusi yang mempengerusikan meshuarat itu ada-lah berhak memberi undi pemutus sa-lain daripada undi biasa-nya.

CA-A 512)

(4) Tertaklok kepada perenggan-kechil (1), (2) dan (3) Perbadanan hendak-lah menetapkan achara-nya sendiri.

3. (1) Perbadanan hendak-lah mempunyai suatu meteri yang mengandongi sa-suatu tanda mengikut sa-bagaimana yang di-luluskan oleh Perbadanan dan meteri itu boleh dari sa-masa ka-samasa di-pechahkan, di-tukar, di-ubah dan di-buat baharu, mengikut sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Perbadanan. Meteri.

(2) Sa-hingga suatu meteri di-adakan oleh Perbadanan suatu chap mengandongi perkataan "Perbadanan Pembangunan Bandar" boleh digunakan dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai meteri Perbadanan.

(3) Meteri atau chap yang tersebut dalam perenggan-kechil (2) hendak-lah di-simpan dalam jagaan Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, dan hendak-lah di-sahkan oleh ~~Salah sa-orang daripada mereka~~ atau oleh mana² pegawai yang di-berikuasa oleh ~~Salah sa-orang daripada mereka~~ dengan bertulis; dan semua suratikatan, suratan dan suratchara lain yang berupa sa-bagai di-meterikan dengan meteri tersebut, di-sahkan sa-bagaimana tersebut di-atas, hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-sempurnakan dengan sah-nya sa-hingga di-buktikan sa-balek-nya: A-4 5/2

Dengan sharat bahawa apa² suratan atau suratchara yang, jika di-sempurnakan oleh sa-saorang yang bukan suatu pertubohan perbadanan, tidak akan di-kehendaki di-chap dengan meteri itu boleh di-sempurnakan oleh Perbadanan dengan chara demikian itu juga dan mana² suratan itu boleh di-sempurnakan bagi pehak Perbadanan oleh mana² pegawai atau penjawat Perbadanan yang di-berikuasa sa-chara am atau khas oleh Perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meteri Perbadanan hendak-lah di-beri pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

4. Sa-saorang ahli yang ada mempunyai, sa-chara langsung atau sa-chara tidak langsung, dengan sendiri-nya atau melalui kongsi-nya, apa² kepentingan dalam sa-suatu sharikat atau usaha yang dengan-nya Perbadanan berchadang hendak membuat apa² kontrek atau yang ada mempunyai apa² kepentingan dalam mana² kontrek itu atau dalam apa² perkara yang sedang di-binchangkan oleh Perbadanan hendak-lah menyatakan kepada Perbadanan hal dan jenis kepentingan-nya itu, dan hal yang di-nyatakan-nya itu hendak-lah di-rekodkan dalam minit Perbadanan, dan melainkan jika di-benarkan dengan khusus oleh Pengerusi, ahli itu tidak boleh mengambil apa² bahagian dalam apa² perbincangan atau keputusan Perbadanan berhubung dengan kontrek itu. Menyatakan kepentingan.

5. Sa-suatu minit yang di-buat mengenai meshuarat Perbadanan, jika di-tandatangani dengan sempurna-nya, boleh di-terima sa-bagai keterangan dalam segala pembicharaan undang² tanpa di-buktikan sa-lanjut-nya dan tiap² meshuarat Perbadanan yang minit² mengenai perjalanan-nya telah di-buat sa-demikian hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-panggil dan di-adakan dengan sempurna-nya dan semua ahli dalam meshuarat itu sa-bagai telah berkelayakan dengan sa-patut-nya untuk bertindak. Minit boleh di-terima sa-bagai keterangan.

[Jadual 1]

28

AKTA 46

BAHAGIAN II

SETIAUSAHA, JAWATANKUASA DAN JAWATANKUASA-KECHIL

- Setiausaha. 1. (1) Perbadanan hendak-lah melantek sa-orang Setiausaha Perbadanan mengikut apa² syarat yang di-tentukan oleh Perbadanan.
- (2) Setiausaha hendak-lah menjalankan apa² kewajipan dan di-bayar apa² saraan mengikut sa-bagaimana yang di-tentukan oleh Perbadanan.
- Pejabat dan pejabat kecil. 2. (1) Pejabat Perbadanan hendak-lah di-adakan di-Ibu Kota Kuala Lumpur di-sasuatu tempat yang di-tentukan oleh Perbadanan.
- (2) Perbadanan boleh mengadakan pejabat² kecil di-mana² tempat di-Malaysia yang di-fikirkan perlu atau mustahak oleh-nya bagi menjalankan tugas²-nya.
- Saraan dan elaun. 3. Maka hendak-lah di-bayar kepada ahli atau ahli mana² jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil atau mana² orang apa² saraan atau elaun bagi menjalankan kewajipan² mereka di-bawah Akta ini dan apa² elaun atau perbelanjaan yang di-lakukan apabila menjalankan kewajipan itu, mengikut sa-bagaimana yang di-tentukan oleh Menteri dari sa-masa ka-samasa yang di-tentukan oleh Perbadanan dari masa ke masa dengan kelulusan Menteri.
- Act A348
- Jawatankuasa dan jawatankuasa-kecil. 4. (1) Perbadanan boleh melantek jawatankuasa² bagi sa-suatu maksud yang terbit dari atau berhubung dengan mana² kuasa, kewajipan dan tugas-nya di-bawah Akta ini; sa-suatu jawatankuasa yang di-lantek sa-demikian hendak-lah mengandongi tidak kurang daripada sa-orang ahli Perbadanan, dan beberapa orang lain mengikut sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Perbadanan boleh di-lantek ka-jawatankuasa itu.
- (2) Sa-suatu jawatankuasa yang di-lantek di-bawah perenggan-kecil (1) boleh melantek satu atau beberapa jawatankuasa-kecil; sa-suatu jawatankuasa-kecil yang di-lantek sa-demikian hendak-lah mengandongi tidak kurang daripada sa-orang ahli jawatankuasa itu, dan beberapa orang lain mengikut sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh jawatankuasa itu boleh di-lantek ka-jawatankuasa-kecil itu.
- (3) Sa-suatu jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil yang di-lantek sa-demikian hendak-lah mematohi apa² arahan yang di-beri dari sa-masa ka-samasa kepada-nya oleh Perbadanan, dan Perbadanan boleh pada bila² masa menghentikan atau mengubah keanggotaan mana² jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil yang di-lantek sa-demikian itu.
- (4) Tertaklok kepada perenggan-kecil (3), sa-suatu jawatankuasa-kecil hendak-lah mematohi arahan² yang di-beri dari sa-masa ka-samasa oleh jawatankuasa yang melantek-nya itu, dan jawatankuasa itu boleh pada bila² masa menghentikan atau mengubah keanggotaan mana² jawatankuasa-kecil yang di-lantek sa-demikian itu.
- Perbadanan, jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil boleh mempelawa orang² lain menghadiri meshuarat. 5. (1) Perbadanan, sa-suatu jawatankuasa atau sa-suatu jawatankuasa-kecil, masing², boleh mempelawa mana² orang yang, pada pendapat-nya, ada mempunyai pengetahuan khas yang berfaedah kepada-nya untuk menghadiri mana² meshuarat Perbadanan, jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil itu.
- (2) Tiada sa-saorang yang di-pelawa sa-demikian berhak mengundi dalam mana² meshuarat itu.

6. Sa-saorang ahli mana² jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil yang ada mempunyai, sa-chara langsung atau sa-chara tidak langsung, dengan sendiri-nya atau melalui kongsi-nya, apa² kepentingan dalam sa-suatu perkara yang sedang di-binchangkan oleh jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil dalam mana ia ada-lah sa-orang ahli hendak-lah menyatakan kepada jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil itu hal dan jenis kepentingan-nya itu, dan hal yang di-nyatakan-nya itu hendak-lah di-rekodkan dalam minit jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil itu, dan melainkan jika di-benarkan dengan khusus oleh Pengerusi jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil itu, ahli itu tidak boleh mengambil apa² bahagian dalam apa² perbincangan atau keputusan jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil itu berhubung dengan perkara itu.

Menyatakan
kepentingan.

7. Sa-suatu minit yang di-buat mengenai meshuarat jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil, jika di-tandatangani dengan sempurna-nya, boleh di-terima sa-bagai keterangan dalam segala pembicharaan undang² tanpa di-buktikan sa-lanjut-nya dan tiap² meshuarat jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil yang minit² mengenai perjalanan-nya telah di-buat sa-demikian hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-panggil dan di-adakan dengan sempurna-nya dan semua ahli jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil yang hadir dalam meshuarat itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah berkeleyakan dengan sa-patut-nya untok ber-tindak.

Minit boleh
di-terima
sa-bagai
keterangan.

8. Tiada apa² perbuatan yang di-lakukan atau tiada apa² tindakan yang di-ambil di-bawah Akta ini boleh di-persoal atas alasan—

Sah-nya
perbuatan
dan tindakan.

- (a) bahawa ada sa-suatu kekosongan di-kalangan ahli, atau sa-suatu kechachatan dalam keanggotaan, Perbadanan atau sa-suatu jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil; atau
- (b) bahawa ada sa-suatu yang bersalahan di-pehak sa-saorang ahli atau sa-saorang ahli sa-suatu jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil, berhubung dengan kenyataan yang di-buat oleh-nya mengenai kepentingan-nya; atau
- (c) bahawa ada sa-suatu ketinggalan, kechachatan atau salah per-atoran yang tidak menyentuh burok-baik-nya sa-suatu perkara.

JADUAL KEDUA

(Sekshen 16)

1. Peratoran² yang di-buat di-bawah sekshen 16 boleh mengadakan peruntokan bagi segala atau mana² daripada yang berikut—

- (a) mengadakan peratoran mengenai jumlah gaji, bayaran dan elaun yang kena di-bayar kepada pegawai dan penjawat Perbadanan;
- (b) mengadakan peratoran mengenai pemberian chuti kepada pegawai dan penjawat tersebut;
- (c) membenarkan pembayaran segala elaun kepada pegawai dan penjawat tersebut sa-masa berchuti;
- (d) menentukan saraan yang akan di-bayar kepada orang² yang di-lantek untok memangku jawatan pegawai atau penjawat tersebut sa-masa mereka berchuti;

- (e) mengadakan peratoran mengenai tempoh perkhidmatan bagi semua pegawai dan penjawat tersebut;
 - (f) memberi pinjaman kepada pegawai dan penjawat untuk membeli basikal, motosikal, motokar, rumah atau bagi apa² maksud lain yang di-luluskan oleh Menteri;
 - (g) menentukan dengan syarat² apa-kah ganjaran atau elaun ihsan boleh di-bayar kepada pegawai dan penjawat yang terbenchana atau kepada saudara mara yang maseh hidup bagi pegawai dan penjawat yang terbunuh sa-masa menjalankan kewajipan mereka;
 - (h) mengada, menyenggara dan mentadbirkan suatu sekim penchen bagi membayar penchen, ganjaran atau lain² elaun apabila pegawai dan penjawat Perbadanan di-berhentikan kerja oleh sebab tua, meletakkan jawatan, bersara atau di-lepaskan dari jawatan dan bagi menuboh dan menyenggara suatu kumpulan-wang penchen; dan
 - (i) mengada dan mentadbirkan suatu sekim persaraan bagi memberi apa² ganjaran dan elaun yang di-fikirkan mustahak apabila pegawai dan penjawat rendah Perbadanan mati, di-berhentikan kerja oleh sebab tua, meletakkan jawatan, bersara atau di-lepas dari jawatan dan bagi memberi apa² ganjaran dan elaun itu yang di-fikirkan mustahak kepada sa-orang atau beberapa orang daripada orang² tanggungan yang maseh hidup bagi mana² orang yang, sa-telah bekerja sa-bagai pegawai atau penjawat rendah Perbadanan, mati sa-lepas di-berhentikan oleh sebab tua atau di-lepaskan dari jawatan atau sa-lepas meletakkan jawatan atau bersara.
2. Peruntokan² berikut hendak-lah di-pakai bagi mana² peratoran yang di-buat menurut perenggan-kechil (g), (h) dan (i) perenggan 1—
- (a) tiada apa² ganjaran, elaun atau apa² bayaran lain yang kena di-bayar di-bawah mana² peratoran itu dan juga tiada apa² hak atau kepentingan yang di-perolehi oleh mana² orang terhadap apa² ganjaran, elaun atau lain² bayaran di-bawah-nya boleh di-serahak atau di-pindahmilk atau di-tahan, di-asingkan atau di-lewi bagi atau mengenai apa² jua hutang atau tuntutan kechuali hutang yang kena di-bayar kepada Perbadanan;
 - (b) apabila sa-saorang mati, apa² wang yang di-bayar di-bawah mana² peratoran tersebut hendak-lah di-sifatkan sa-bagai ter-amanah untok orang yang berhak kepada-nya mengikut wasiat simati itu atau apabila ia mati tidak berwasiat, tetapi tidak boleh di-sifatkan sa-bagai menjadi sa-bahagian daripada harta pesaka-nya atau sa-bagai tertaklok kepada hutang-nya;
 - (c) mana² orang boleh, dengan wasiat atau dengan suatu memo-randum yang di-tandatangani oleh-nya, melantek sa-orang pemegang amanah bagi wang yang kena di-bayar di-bawah mana² peratoran tersebut apabila ia mati, dan boleh mengadakan peruntokan bagi melantek sa-orang atau beberapa orang pemegang amanah baharu bagi wang itu dan bagi melaborkan-nya;

- (d) jika pada masa mati-nya sa-saorang simati atau pada bila² masa kemudian-nya tidak ada sa-saorang pemegang amanah bagi wang itu atau ada-lah mustahak sa-orang atau beberapa orang pemegang amanah baharu di-lantek maka dalam hal yang demikian itu sa-orang atau beberapa orang pemegang amanah atau sa-orang atau beberapa orang pemegang amanah baharu boleh di-lantek oleh Mahkamah Tinggi atau sa-orang Hakim Mahkamah Tinggi;
- (e) resit dari sa-orang atau beberapa orang pemegang amanah yang telah di-lantek dengan sempurna-nya atau, jika tiada pemegang amanah telah di-lantek, resit dari wakil diri di-sisi undang² bagi sa-saorang simati, hendak-lah menjadi suatu penjelasan bagi apa² wang yang kena di-bayar di-bawah mana² peratoran itu apabila orang itu mati;
- (f) sa-saorang pekerja Perbadanan yang boleh, dengan sa-chara lain, berhak mendapat apa² faedah di-bawah mana² peratoran itu, jika ia di-buang kerja dari perkhidmatan Perbadanan kerana perbuatan tipu atau perbuatan churang atau salah-laku, yang melibatkan kerugian wang kepada Perbadanan, atau bersara atau meletakkan jawatan dengan niat hendak mengelakkan daripada di-lepaskan dari jawatan atau di-buang kerja akibat perbuatan tipu, perbuatan churang atau salah-laku itu, ada-lah terluchut hak-nya dan hilang kesemua atau sa-sabahagian daripada faedah itu mengikut sa-bagaimana yang di-arahkan oleh Perbadanan menurut budibichara mutlak-nya; dan
- (g) dengan kelulusan Menteri Perbadanan boleh, menurut budi-bichara-nya, sa-bagai penghargaan terhadap perkhidmatan lama atau perkhidmatan istimewa mana² pegawai atau penjawat Perbadanan yang hal-nya tidak termasuk dalam bidang dan kuatkuasa sekim penchen atau peratoran² sekim persaraan Perbadanan, membayar kepada pegawai atau penjawat itu apabila ia mati suatu ganjaran atau elaun ihsan mengikut apa² syarat yang di-tentukan oleh Perbadanan.

JADUAL KETIGA
(Sekshen 30 (2))

1. Jika pinjaman di-beri oleh Perbadanan atas chagaran apa² harta yang di-gadai atau di-gadaijanji kepada-nya, sama ada beserta atau tidak beserta dengan apa² chagaran lain, maka, mula² dari atau sa-lepas tarikh gadaian atau gadaijanji itu, harta itu hendak-lah di-pertanggungkan membayar pinjaman itu dan bunga-nya sa-bagaimana yang tersebut dalam gadaian atau gadaijanji itu, terlebih dahulu, kechuali sa-takat mana yang di-nyatakan sa-lain-nya dalam gadaian atau gadaijanji itu, daripada segala hutang, gadaian atau gadaijanji lain berkenaan dengan harta itu kechuali apa² pinjaman yang kena di-bayar kepada mana² sipiutang yang tidak bersetuju dengan pembayaran terlebih dahulu itu dan pinjaman itu telah di-beri dengan suchi hati sa-belum daripada pinjaman yang di-beri oleh Perbadanan itu dan yang telah di-beri chagaran dengan menggadai atau menggadaijanji harta itu kepada orang yang berhak sa-bagai sipiutang *bona fide* mendapat pembayaran balek pinjaman itu beserta bunga-nya dan gadaian atau gadaijanji itu telah di-sempurna dan di-daftarkan dengan sa-patut-nya.

Gadaian
harta dan
pinjaman
di-bayar
terlebih
dahulu.

[Jadual 3]

32

AKTA 46

Bunga atas pinjaman yang di-beri oleh Perbadanan.

2. Pada memberi sa-suatu pinjaman di-bawah peruntukan Akta ini, Perbadanan boleh mengenakan apa² kadar bunga yang di-fikirkan-nya patut dalam sa-suatu hal tertentu.

Membayar balek pinjaman yang di-beri oleh Perbadanan.

3. Tertaklok kapada peruntukan perenggan 4 dan 5, tiap² pinjaman hendak-lah di-bayar balek kapada Perbadanan mengikut syarat² pinjaman itu telah di-beri dan wang yang di-bayar balek itu hendak-lah di-masokira dalam akaun Perbadanan.

Menggantung pembayaran wang pokok dan bunga dan kuasa untuk melanjutkan masa, mengkompaun dan melepaskan.

4. Perbadanan boleh—

- (a) menanggohkan, sa-lama suatu tempoh tidak lebeh daripada lima tahun, pembayaran apa² jumlah wang yang genap masa-nya bagi wang pokok dan bunga atau bagi sama ada wang pokok atau bunga berkenaan dengan pinjaman yang telah di-beri oleh-nya atas apa² syarat yang di-fikirkan-nya perlu bagi melaksanakan maksud² yang kerana-nya pinjaman itu telah di-beri dan bagi membayar balek pada akhir-nya wang pokok itu atau apa² bunga-nya yang di-fikirkan-nya perlu;
- (b) dari sa-masa ka-samasa melanjutkan tempoh bagi membayar balek sa-suatu pinjaman, atau mengkompaun atau melepaskan sa-suatu pinjaman atau sa-sabahagian daripadanya atas apa² syarat yang di-fikirkan-nya patut.

Membayar balek pinjaman sa-belum tarikh yang sa-patut-nya.

5. Perbadanan boleh pada bila² masa menerima pembayaran kesemua atau sa-sabahagian daripada jumlah wang pokok pinjaman dan bunga-nya sa-belum daripada genap masa-nya kena di-bayar, atas apa² syarat yang di-fikirkan-nya patut.

Siasatan tentang penggunaan wang yang di-pinjamkan.

6. (1) Jika Perbadanan telah memberi sa-suatu pinjaman wang di-bawah peruntukan Akta ini, ia boleh—

- (a) dari sa-masa ka-samasa, menjalankan atau mengarah di-jalankan apa² siasatan yang perlu bagi memastikan supaya pinjaman itu di-gunakan bagi maksud ia telah di-beri;
- (b) meminta supaya laporan termasuk kenyataan kewangan mengandongi apa² butir yang di-tetapkan oleh-nya di-hantar oleh orang, badan atau pehak-berkuasa yang menerima pinjaman itu dan orang, badan atau pehak-berkuasa itu hendak-lah mematohi permintaan itu.

(2) Perbadanan boleh memberikuasa dengan bertulis kapada mana² daripada pegawai-nya atau mana² orang lain untuk menjalankan siasatan itu, dan orang, badan atau pehak-berkuasa yang menerima pinjaman itu hendak-lah mengemukakan kapada pegawai atau orang tersebut semua buku, surat dan perkara lain yang berkaitan dan benda lain yang perlu bagi maksud siasatan itu.

Perintah Perbadanan sa-lepas siasatan di-jalankan.

7. Jika sa-lepas sa-suatu siasatan di-jalankan di-bawah peruntukan perenggan 6, Perbadanan dapati bahawa apa² wang yang terdiri daripada kesemua atau sa-sabahagian daripada pinjaman itu telah tidak di-gunakan bagi maksud pinjaman itu di-beri Perbadanan boleh memerintahkan supaya wang itu di-gunakan dalam tempoh yang di-sebutkan dalam perintah itu bagi maksud tersebut atau supaya wang itu beserta bunga-nya pada tarikh perintah itu di-bayar balek kapada Perbadanan dalam tempoh yang di-sebutkan dalam perintah itu, dan apa² wang beserta bunga-nya yang di-perintah sa-demikian supaya di-bayar balek kapada Perbadanan hendak-lah dengan itu menjadi suatu hutang yang kena di-bayar kapada Perbadanan.

8. (1) Jika sa-suatu pinjaman di-beri di-bawah peruntokan Akta ini atau sa-sabahagian daripada pinjaman itu telah di-salahgunakan, Perbadanan boleh—

Menyalahguna
pinjaman yang
di-beri chagar
dengan
gadaijanji.

(a) jika pinjaman itu telah di-beri chagar dengan gadaijanji atau gadaijanji, dengan pemberitahu bertulis yang di-alamatkan kepada pemegang gadai atau pemegang gadaijanji itu, meminta balek pinjaman yang tersebut atau sa-sabahagian daripadanya dan boleh menghendaki supaya pinjaman atau sa-sabahagian-nya itu beserta bunga atas pinjaman itu atau atas sa-sabahagian daripadanya pada tarikh pemberitahu itu di-bayar balek pada tarikh yang akan di-nyatakan dalam pemberitahu itu dan jika sa-kira-nya tidak di-bayar pada tarikh yang di-nyatakan itu, apa² chagaran yang di-beri bagi maksud pinjaman itu boleh-lah dengan itu di-jual atau sa-bagai-nya;

(b) jika pinjaman itu telah di-beri chagar dengan sa-suatu lain daripada gadaijanji atau gadaijanji, dengan pemberitahu yang di-alamatkan kepada peminjam, meminta supaya pinjaman itu atau sa-sabahagian daripadanya beserta apa² bunga-nya pada tarikh pemberitahu itu di-bayar balek pada tarikh yang akan di-nyatakan dalam pemberitahu itu dan jika sa-kira-nya tidak di-bayar pada tarikh yang di-nyatakan itu apa² chagaran yang di-beri bagi maksud pinjaman itu boleh-lah dengan itu di-jual atau sa-bagai-nya.

(2) Peruntokan perenggan-kechil (1) ada-lah tambahan kepada apa² tindakan lain di-bawah mana² undang² bertulis yang lain.

9. Jika apa² harta yang di-gadai atau di-gadaijanji sa-bagai chagaran bagi sa-suatu pinjaman di-bawah peruntokan Akta ini di-jual bagi maksud hendak menguatkuasakan chagaran itu, Perbadanan boleh membeli harta itu dan boleh, sama ada mengurus dan memegang harta itu atau menjual atau pun melepaskan-nya dengan apa² chara yang di-fikirkan-nya patut.

Menguat-
kuasakan
chagaran

JADUAL KEEMPAT

(Sekshen 33 (2))

1. Perbadanan hendak-lah, pada atau sa-belum tarikh sa-suatu perbadanan di-tubuhkan di-bawah sekshen 33, membuat peratoran² berkenaan dengan perbadanan itu menentukan—

Kuasa
Perbadanan
membuat
peratoran²
berkenaan
dengan
perbadanan.

(a) maksud² dan tujuan² perbadanan itu di-tubuhkan;

(b) hak², kuasa², kewajipan² dan tugas² perbadanan itu;

(c) sistem pengurusan-nya; dan

(d) hubungan antara perbadanan itu dengan Perbadanan dan hak² pengawalan-nya ka-atas perbadanan itu.

2. Tiada apa² jua dalam perenggan 1 boleh di-sifatkan sa-bagai memberi kuasa kepada Perbadanan membuat peratoran² unok menubuh sa-suatu perbadanan bagi apa² maksud atau tujuan yang lebeh luas bidang-nya daripada maksud² atau tujuan² Perbadanan telah di-tubuhkan atau sa-bagai memberi kepada sa-suatu perbadanan apa² hak, kewajipan, kuasa atau tugas yang tidak termasuk antara hak², kewajipan², kuasa² atau tugas² Perbadanan di-bawah Akta ini.

Perkechualian.

[Jadual 4]

34

AKTA 46

- Peratoran² tertaklok kepada Akta.
3. Tertaklok kepada peruntokan Akta ini dan peruntokan mana² peratoran yang di-buat di-bawah seksyen 40, sa-suatu perbadanan hendak-lah terikat kepada mana² peratoran yang di-buat berkenaan dengan-nya dan perotoran² itu hendak-lah berkuatkuasa bagi segala maksud sa-olah² peratoran² itu telah di-kanunkan dalam Akta ini.
- Pindaan bagi Peratoran². 23/67.
4. Perbadanan boleh pada bila² masa meminda, membatalkan atau membuat tambahan kepada, mana² peratoran yang di-buat berkenaan sa-suatu perbadanan di-bawah perenggan 1 dan seksyen 34 Akta Tafsiran, 1967, hendak-lah di-pakai bagi mana² peratoran yang di-pinda atau di-batalkan itu sa-olah² peratoran itu ada-lah undang² bertulis.
- Daftar perbadanan.
5. Perbadanan hendak-lah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang di-tetapkan mengenai semua perbadanan yang di-tubuhkan oleh-nya di-bawah seksyen 33 dan daftar itu bersama dengan salinan segala peratoran yang di-buat di-bawah perenggan 1 hendak-lah terbuka untuk di-pereksa oleh awam di-mana² satu atau beberapa tempat dan pada bila² masa yang di-tetapkan oleh-nya.
- Peng-gulongan.
6. (1) Perbadanan boleh dengan perintah yang di-siarkan dalam *Warta* mengarahkan supaya mana² perbadanan yang di-tubuhkan oleh-nya di-gulung dan di-bubarkan.
- (2) Apabila sa-suatu perbadanan di-bubarkan di-bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendak-lah di-pindah dan di-letakhak pada Perbadanan sa-telah segala tanggungan di-jelaskan.
- (3) Penggulungan sa-suatu perbadanan di-bawah perenggan ini hendak-lah di-jalankan dengan apa² chara yang di-tetapkan oleh Perbadanan.
- Perbadanan hendak-lah menjadi pertubohan perbadanan.
7. Tiap² perbadanan yang di-tubuhkan di-bawah seksyen 33 hendak-lah menjadi pertubohan perbadanan dengan apa² nama yang di-beri oleh Perbadanan dan hendak-lah kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan boleh mendakwa dan di-dakwa atas nama itu, dan bagi maksud melaksanakan projek pembangunan berdaftar yang keranya ia telah di-tubuhkan ia boleh mengikat kontrek dan boleh memegang, berniaga atau membuat apa² urusan berkenaan dengan harta aleh atau harta takaleh dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sa-suatu pertubohan perbadanan, yang tidak berlawanan dengan peruntokan Akta ini dan dengan tertaklok kepada apa² sekatan atau batasan yang di-tetapkan oleh Perbadanan dalam tiap² satu-nya.
- Meteri perbadanan.
8. (1) Tiap² perbadanan hendak-lah mempunyai suatu meteri yang mengandongi sa-suatu tanda mengikut sa-bagaimana yang di-luluskan oleh perbadanan dengan persetujuan Perbadanan, dan meteri itu boleh dari sa-masa ka-samasa di-pechahkan, di-tukar, di-ubah dan di-buat baharu oleh perbadanan dengan persetujuan Perbadanan, mengikut sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut.
- (2) Sa-hingga suatu meteri di-adakan oleh perbadanan di-bawah perenggan ini suatu chap mengandongi nama perbadanan melingkongi huruf "PPB" boleh di-gunakan sa-bagai suatu meteri.
- (3) Meteri itu atau chap yang tersebut dalam perenggan-kecil (2) hendak-lah di-simpan dalam jagaan sa-saorang yang di-arahkan oleh perbadanan dan hendak-lah di-sahkan oleh orang itu; dan semua

suratikan, suratan dan suratchara lain yang berupa sa-bagai di-meterikan dengan meteri tersebut, di-sahkan sa-bagaimana tersebut di-atas, hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-sempurnakan dengan sah-nya sa-hingga di-buktikan sa-balek-nya :

Dengan syarat bahawa apa² suratan atau suratchara yang, jika di-sempurnakan oleh sa-saorang yang bukan suatu pertubohan perbadanan, tidak akan di-kehendaki di-meteri dengan meteri itu boleh di-sempurnakan dengan chara demikian itu juga oleh perbadanan; dan mana² suratan atau suratchara itu boleh di-sempurnakan bagi pehak perbadanan oleh mana² pegawai atau penjawat perbadanan yang di-berikuasa sa-chara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meteri tiap² perbadanan hendak-lah di-beri pengiktirafan rasmi dan kehakiman.